

AMP terima peletakan jawatan Nizam Ismail

Pengerusi nafi ada pihak luar pengaruhi keputusan

Oleh SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) semalam menerima peletakan jawatan Encik Mohd Nizam Ismail sebagai anggota Lembaga Pengarahnya.

Namun AMP menafikan dakwaan bahawa terdapat pihak luar yang mempengaruhi keputusan pengerusi atau lembaga AMP mengenai isu peletakan jawatan Encik Mohd Nizam.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam, Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, berkata AMP memegang erat prinsip utamanya, iaitu kebebasan, tiada berpihak dan kerjasama kritikal dengan semua pihak yang berkongsi misinya dalam masyarakat.

Ini, katanya, termasuk pertubuhan Melayu/Islam lain, pertubuhan bukan Melayu/Islam, badan dan agensi nasional, serta pemerintah.

Pada masa yang sama, Encik Mohd Nizam juga meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima) – jawatan yang kurang setahun dipegangnya.

Dalam kenyataannya semalam, Encik Azmoon berkata: “Saya ingin menjelaskan bahawa sebarang tanggapan mengenai keputusan yang dibuat oleh saya atau Lembaga Pengarah AMP dipengaruhi pihak luar adalah tidak benar.

“Sebagai sebuah pergerakan karyawan yang bertujuan mempertingkatkan masyarakat Melayu/Islam, AMP memegang erat prinsip utamanya, iaitu kebebasan, tiada berpihak dan kerjasama kritikal dengan semua pihak yang berkongsi misi kami dalam masyarakat, termasuk pertubuhan Melayu/Islam lain, pertubuhan bukan Melayu/Islam, badan dan agensi nasional, serta pemerintah.”

Menurut kenyataan AMP, isu peletakan jawatan Encik Mohd Nizam itu berlaku di tengah-tengah keprihatinan bahawa penglibatan beliau dalam kegiatan masyarakat sivik telah disalah anggap sebagai mencerminkan kedudukan rasmi AMP mengenai pelbagai isu politik dan pertubuhan sivil.

Encik Azmoon berkata adalah penting untuk menjelaskan bahawa Encik Mohd Nizam mengambil bahagian dalam semua kegiatan itu atas dasar peribadinya.

Berita Harian juga difahamkan bahawa Lembaga Pengarah AMP baru-baru ini turut mengadakan mesyuarat berhubung kod kelakuan para anggota pengarah.



ENCIK MOHD NIZAM: Dakwa ada pihak yang kurang selesa dengan penglibatannya dalam bantahan di Hong Lim Park dan seminar Sayap Belia Parti Pekerja.



ENCIK AZMOON: Menafikan tanggapan bahawa keputusan yang dibuatnya sebagai Pengerusi AMP atau Lembaga Pengarah dipengaruhi pihak luar.

Encik Azmoon semalam berkata: “Lembaga Pengarah AMP dan Rima ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Mohd Nizam atas sumbangannya kepada AMP, AMP Muda, Rima dan jawatankuasa lain yang berkaitan sepanjang 15 tahun lalu.

“Saya mengucapkan yang terbaik kepada Encik Mohd Nizam dan berharap beliau boleh terus menyumbang kepada AMP dan Rima menerusi cara bermakna yang lain.”

Encik Azmoon ketika dihubungi juga memberitahu bahawa “AMP telah kehilangan seorang anggota yang amat berharga dan bijak”.

Berita mengenai pengunduran Encik Mohd Nizam itu mula didedahkan oleh Encik Mohd Nizam sendiri dalam laman Facebooknya petang semalam.

Menulis di laman tersebut, Encik Mohd Nizam, 46 tahun, berkata: “Saya mengundurkan diri sebagai Pengerusi Rima dan anggota lembaga pengarah AMP bermula semalam, atas sebab-sebab yang akan saya dedahkan tidak lama lagi. Ia merupakan pengembaraan sepanjang 15 tahun yang memuaskan. Dan saya akan memulakan yang baru.”

Ketika dihubungi, Encik Mohd Nizam menyifatkan langkah itu sebagai “satu keputusan yang amat berat, namun perlu dilakukannya demi prinsip diri yang lebih luas dan besar”.

Ditanya tentang sebab pengundurannya, Encik Mohd Nizam berkata: “Ada pihak yang kurang selesa dengan penglibatan saya berucap di bantahan Hong Lim

Park dan seminar Sayap Belia Parti Pekerja. Ini meskipun setelah saya jelaskan bahawa saya berbuat demikian atas dasar peribadi.

“Justeru, untuk tidak mengaitkan AMP, saya berbuat keputusan untuk mengundurkan diri.”

Bekas peguam dan penerima biasiswa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) itu bagaimanapun menekankan beliau tidak akan menyertai mana-mana parti politik dan akan terus bergiat aktif bersama badan-badan sivil.

Encik Mohd Nizam bergiat bersama AMP sejak 1997 dan pernah dilantik presiden pertama AMP Muda pada 2004.

Beliau juga Pengerusi AMP antara 2009 dengan 2011 dan mempengerusi Konvensyen Ketiga AMP tahun lalu.